

**NO. SOALAN: 258**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ  
[ RAUB ]**

**RUJUKAN : 7286**

**SOALAN:**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah rasional menahan anggota PPS Pulau Pinang ; dan
- (b) mengapakah tindakan ini diambil sekarang sedangkan PPS telah wujud 3 tahun yang lalu.

## **JAWAPAN:**

**Bagi menjawab soalan (a), PDRM telah menjalankan siasatan berhubung dengan penubuhan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) ini yang ditubuhkan di Pulau Pinang setelah dua laporan diterima berkaitan dengan aktiviti pertubuhan ini. Hasil daripada siasatan yang dijalankan mendapati pertubuhan ini tidak berdaftar dan beroperasi dengan menyalahi Akta Pertubuhan 1966.**

**Siasatan berkait Lebu Pantai Report 1646/2014 disiasat di bawah Seksyen 43 Akta Pertubuhan 1966 kerana beberapa orang telah menyertai atau menjadi ahli pertubuhan haram. Seramai 156 orang telah ditangkap kerana dipercayai telah menyertai pertubuhan PPS ini. Turut ditangkap iaitu Pengerusi PPS iaitu YB Phee Boon Poh, MP Tanjung Ng Wei Aik (Timbalan Pengerusi PPS) dan Manickam a/l Alagappan (Pegawai Penyelaras PPS P/Pinang). Kesemua tangkapan telah diberi jaminan Polis setelah keterangan direkodkan. Siasatan masih dijalankan dan menunggu keputusan Peguam Negara.**

**Siasatan kedua berkait Bandar Baru Report 3236/2014 disiasat di bawah Seksyen 43 Akta Pertubuhan 1966 juga dan telah membuat tangkapan seorang daripada ahli iaitu Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajiji ADUN Seri Delima. Tangkapan telah diberi jaminan setelah percakapan diambil. Kedua-dua kertas siasatan**

**telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 22 September 2014 dan masih diperingkat kajian.**

**Bagi menjawab soalan (b), pihak Polis hanya menjalankan siasatan setelah dua aduan dibuat oleh orang awam mendakwa mereka telah dipukul oleh ahli pertubuhan tersebut seperti mana Bandar Baru Rpt 3201/14 dan 3236/2014, setelah rujukan dibuat kepada Pihak Pendaftar Pertubuhan mengesahkan bahawa pertubuhan tersebut tidak berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan tiada sebarang permohonan dibuat untuk mendaftarkan pertubuhannya.**